

Kursus bahasa Arab

ALOR SETAR 15 Mei — Institut Agama Islam Kedah (Insaniah) menawarkan kurikulum khas bagi orang awam yang ingin mempelajari bahasa Arab.

Pengarah Insaniah, Profesor Datuk Dr. Marzuki Mahmood berkata, program yang telah dijalankan semenjak 1999 dibahagikan kepada empat tahap iaitu tahap satu hinggalah ke tahap tiga.

“Untuk menentukan tahap yang akan diduduki oleh peserta, ujian peperiksaan akan diadakan terlebih dahulu,” katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini hari ini.

Pengambilan baru akan dibuka pada September setiap tahun. Orang ramai yang berminat boleh hubungi pihak Jabatan Pendaftar Insaniah di talian 04-7320163.